

27/02/2002

3R kembali ke udara melalui TV3, Astro Ria

Suzan Ahmad

WAJAH popular 3R, seperti Azah Yazmin Yusof, Rafidah Abdullah dan Low Ngai Yuen bakal muncul kembali membawakan isu wanita muda, pengetahuan IT di samping aktiviti mencabar.

Rancangan televisyen 3R (Respek, Relaks, Respon) akan kembali ke udara untuk musim keempat bermula Mac nanti setiap Ahad di TV3 jam 7.30 malam dan di Astro Ria setiap Jumaat, jam 9 malam.

Lebih daripada sebuah rancangan televisyen, 3R kini turut terbabit menganjurkan bengkel pertahanan diri dan bengkel kesihatan wanita di sekolah, menyertai forum belia di Kongres Antarabangsa AIDS Keenam di Asia dan Wilayah Pasifik (6th ICAAP) di Melbournedan tahun ini, 3R akan menganjurkan Hari 3R sempena Hari Wanita Antarabangsa, bersama dengan Women's Aid Organisation (WAO) dan All Women's Action Society (AWAM).

Hari 3R itu akan diadakan di Taman KLCC pada 9 Mac 2002 dan dipenuhi dengan aktiviti bermanfaat seperti pameran, mencari harta karun, pertandingan pancaragam dan konsert.

Konsert yang bermula jam 8.45 malam itu akan dimeriahkan oleh barisan artis seperti Sheila Majid, Sarimah, Camelia, Anuar Zain, Ning Baizura, Too Phat, Synergy dan ramai lagi.

Penerbit 3R mempunyai visi tersendiri iaitu untuk meningkatkan kesedaran berhubung Keganasan Terhadap Wanita menerusi 3R.

Mengikuti Penerbit Eksekutifnya, Datin Paduka Marina Mahathir sambutan yang dianjurkan itu adalah sehaluan dengan objektif rancangan televisyen berkenaan iaitu mempertingkatkan daya wanita (women empowerment).

"Peminat biasa menyapa pengacara kami ketika mereka berjalan dan memberikan pendapat berhubung isu yang ditonton dalam rancangan itu," katanya lagi.

"Pernah sekali seorang jurujual memberi maklum balas yang dia sukakan 3R kerana ia mengajar lelaki untuk tidak membuli perempuan. Kami juga banyak menerima surat dari penonton yang mengucapkan terima kasih kerana menimbulkan perbincangan mengenai soal haid dengan cara berterus terang dan tidak malu-malu," tambahnya lagi.

Cara penyebaran maklumat dan penampilan isu yang inovatif di 3R meraih pencalonan bgi rancangan hiburan-maklumat terbaik dalam Anugerah Televisyen Asia 2001.

Dalam musim barunya, rancangan terbitan bersama Mosaique Communications dan Red Communications Sdn Bhd ini akan menampilkan isu yang lebih kontroversi tetapi informatif.

Antara episod yang akan ditampilkan ialah Bila Lagi Nak Kahwin, kehamilan pada usia muda, wanita dan rokok, memahami lelaki, wanita dalam pasukan bomba, hubungan keluarga, percintaan siber dan keganasan terhadap wanita.

(END)